

Akhirnya ia rebah

■ KUALA LUMPUR 11 JAN.

JIKA telah ditentukan takdirnya, pakar pun tidak dapat menyelamatkan nyawanya.

Sepohon pokok telinga gajah atau nama saintifiknya *Enterolobium Cyclocarpum* yang berdiri gagah di Ladang 16 Universiti Putra Malaysia (UPM) sejak 40 tahun lalu bagaimanapun tumbang pada 6 Januari lalu.

Pohon itu digelar *Tree of Life UPM* oleh pelajar dan kakitangan UPM serta sering menghiasi iklan televisyen, akhbar, majalah, drama dan filem ter-

masuk filem *Lagenda Budak Setan* lakonan Farid Kamil dan Lisa Surihani.

Kemuncak paparan keindahan pokok itu turut diabadikan di ruang angkasa antarabangsa pada 2 Ogos 2017 apabila imej pokok ikonik dan jenama UPM itu dipaparkan pada pesawat Airbus 320 AirAsia.

Menurut pemilik akaun Facebook bernama Syirfan Indra:

“Itulah tempat melepas lelah (kononnya letih dengan tugas), tempat *dating*, tempat kecewa, tempat lepak ataupun tempat pertemuan bila bergraduasi. Istimewanya tempat ini kerana


menawarkan gambar yang cukup istimewa. Ia bagi *tree of life* bagi pelajar UPM.”

Pemilik akaun Facebook, Khairul Anuar Muhamad Noh berkata, ‘pohon kehidupan UPM itu tumbang akibat serangan kulat *Rigidoporus Lignosus* yang menyebabkan penyakit akar putih.

Menurutnya, pakar botani dari UPM cuba menyelamatkan pokok itu sejak tahun lalu termasuk rawatan tanah namun, pertumbuhan daun dan kalus baharu gagal mengimbangi kerrosakan penyakit.



POKOK telinga gajah di Ladang 16 UPM yang popular dalam kalangan pelajar, pembuat filem, drama dan iklan televisyen, tumbang baru-baru ini. - IHSAN KHAIRUL ANUAR MOHD. NOH



PEMANDANGAN dekat dan jauh pokok telinga gajah UPM yang tumbang akibat serangan kulat *Rigidoporus Lignosus* yang menyebabkan penyakit akar putih.